

Headline	TNB belanja RM6 bilion setiap tahun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	28
ArticleSize	199 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,907		



TNB belanja RM6 bilion setiap tahun

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) membelanjakan sekurang-kurangnya RM6 bilion untuk infrastruktur baharu, penyelenggaraan dan perbelanjaan modal (capex) setiap tahun bagi memastikan bekalan tenaga elektrik yang berkekalan.

Kewajaran patut dibuat memandangkan jumlah tersebut jelas lebih tinggi berbanding keuntungan syarikat utiliti itu sebanyak RM4.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2013.

Daripada RM6 bilion, TNB melabur kira-kira RM3.5 bilion hingga RM4 bilion setiap tahun untuk bekalan baharu dan peningkatan sistem bagi rangkaian pengedaran dan

pelbagai saluran penyambungannya.

TNB juga melabur antara RM2 bilion dan RM2.5 bilion setiap tahun untuk meningkatkan rangkaian penghantaran dan pembangunan.

Sebagai syarikat yang memiliki aset RM99 bilion, keuntungan itu boleh dianggap minimum memandangkan TNB hanya membuat keuntungan sebanyak RM4.6 bilion, berbanding konglomerat lain, yang untung sekurang-kurangnya separuh daripada nilai aset mereka.

Kajian semula tarif elektrik penting kepada TNB untuk memenuhi peningkatan kos bekalan, pelaburan semula dalam peralatan bekalan yang lama serta membuat penambahbaikan dalam menyediakan bekalan elektrik yang boleh dipercayai dan berkualiti.

Berkuat kuasa 1 Januari 2014 tarif purata elektrik di Semenanjung Malaysia akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj, atau 14.89 peratus, daripada 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWh.

Dalam melaksanakan struktur baharu tarif elektrik, kerajaan memastikan golongan berpendapatan rendah, tidak terjejas. - BERNAMA



PENYEDIAAN tenaga elektrik yang stabil dan berterusan merupakan komitmen Tenaga Nasional Berhad kepada rakyat Malaysia. - GAMBAR HIASAN